

15 DEC 1998
TONGKAH-AGM/I
TONGKAH HARAP PULIH TAHUN 200

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Tongkah Holdings Bhd yang mengalami kerugian RM19 juta pada tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 1998, berharap ia akan pulih dan mencatat pencapaian yang baik pada tahun 2000.

"Saya fikir kami akan pulih pada tahun kewangan akan datang. Sekarang menjanjikan peluang yang lebih baik berbanding enam bulan lepas," kata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Tongkah Mokhzani Mahathir kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

Beliau berkata kerugian tahun lepas adalah disebabkan oleh kadar faedah yang tinggi dan faktor-faktor lain, sementara jumlah dagangannya meningkat kepada RM608.2 juta daripada RM468.7 juta tahun sebelumnya.

"Kadar faedah diharapkan akan turun dan bank akan terus memberikan kemudahan," katanya.

Dengan latar belakang semua ini, katanya, Tongkah belum bercadang untuk melupuskan aset-asetnya. "Pelupusan, saya fikir adalah satu pilihan yang akan saya timbangkan sebagai pilihan terakhir, jika boleh."

Bagaimanapun, beliau menambah: "Tengoklah sama ada kami boleh mengadakan usahasama atau membawa masuk modal baru untuk melabur dalam operasi yang kami ada."

Tongkah adalah syarikat induk bagi banyak anak syarikat dalam berbagai sektor termasuk broker saham, perkhidmatan kesihatan, perkilangan, pengedaran produk teknologi maklumat, pembangunan hartanah dan perkhidmatan cucian.

Mokhzani berkata buat masa ini, anak-anak syarikatnya beroperasi bersendirian dan telah menjadi jentera perkembangan syarikat itu.

"Jika ia boleh diuruskan oleh dengan cekap, produktif dan menguntungkan, saya percaya ia akan dapat memainkan peranan untuk memulihkan Tongkah," katanya.

Mengenai syarikat bersekutunya, Hospital Pantai Bhd, Mokhzani yang juga merupakan pengerusi syarikat itu berkata ia masih mencatat keuntungan dengan gearan sifar.

"Buat masa ini, kami dapat mengurangkan kos dan dapat membina dua hospital dengan perbelanjaan yang amat munasabah."

Hospital Pantai kini sedang membina semula Hospital Pantai di Bangsar yang akan siap dalam 18 bulan sementara pembinaan Hospital Pantai di Putrajaya akan disiapkan pada September tahun depan,

Mokhzani juga berkata usaha sedang giat dijalankan untuk menyusun semula operasi Hospital Pantai dan ia dijangka selesai pada suku pertama tahun depan. -- BERNAMA

ZMY JR OS